

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MIMOS kedudukan keenam terbaik dunia	Utusan Malaysia
2	MIMOS model Inovasi terbaik	Berita Harian
3	RM3.5b given for research activities	New Straits Times
4	Hasil penyelidikan ikut keperluan dan kehendak pasaran - Muhyiddin	Bernamea.com
5	MOSTI sedia peruntukan penuh penyelidikan timbal balik yang diluluskan	Utusan Malaysia
6	P.Pinang dapat peruntukan RM880.65 untuk projek baharu tahun 2014	Bernamea.com
7	Britain to help us on cyber safety	New Straits Times
8	Kajian saintis Australia mengenai Malaria rangkul Anugerah Sains Mahathir 2013	Bernamea.com
9	Preparing Malaysia for a sustainable future	New Straits Times
10	Kerjasama untuk pemprosesan bio di Malaysia	Utusan Malaysia
11	Penyelidikan Cowman diiktiraf	Berita Harian
12	SMK St Michael juara Inovasi SME	Berita Harian
13	Tahap radiasi di Lynas mengikut piawaian dibenarkan	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 03
TARIKH : 01 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)

MIMOS kedudukan keenam terbaik dunia

KUALA LUMPUR 31 Okt. - MIMOS Berhad (MIMOS) berjaya mencapai kedudukan keenam senarai Triti Kerjasama Paten (PCT) dalam kalangan organisasi-organisasi kerajaan dan penyelidikan 2012 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Harta Intelek Sedunia World (WIPO), baru-baru ini.

Kejayaan yang amat membanggakan itu mendapat penghargaan daripada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika berucap dalam majlis anugerah berprestij MIMOS di sini malam ini.

"Ini mencerminkan bahawa MIMOS adalah contoh terbaik dalam usaha membudayakan inovasi cemerlang," katanya.

MIMOS yang ditubuhkan kira-kira 28 tahun lalu, merupakan sebuah agensi penyelidikan yang berterasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Antara kenamaan yang hadir dalam majlis malam ini ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin; Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh; Timbalan Menteri Pendidikan, Da-



MUHYIDDIN Yassin bersama para penerima anugerah dalam Majlis Anugerah MIMOS di Kuala Lumpur, malam tadi. Turut kelihatan Dr. Ewon Ebin (empat dari kanan), Idris Jusoh (kanan) dan Mary Yap Kain Ching (tiga dari kanan). - UTUSAN/MOHD. NAIM AZIZ

tuk Mary Yap Kain Ching; Pengerusi MIMOS, Datuk Suriah Abd. Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Timbalan Perdana Menteri turut diberi penghormatan menyampaikan anugerah berprestij MIMOS kepada tujuh pemenang, antaranya Dr. Zahidah Zulkifli dari Fakulti

Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya; Dr. Afzizanfaizal Abdullah (Fakulti Perkomputeran Universiti Teknologi Malaysia); Dr. Muhammad Zaini

Ahmad (Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Dr. Teoh Wei Lin (Pusat Pengajian Sains dan Matematik, Universiti Sains Malaysia).

MIMOS model inovasi terbaik

» Duduki tangga keenam PCT bukti agensi dapat pengiktirafan

Oleh Norfatimah Ahmad
tim@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pencapaian pusat penyelidikan dan pembangunan negara, MIMOS Berhad menduduki tangga keenam senarai Tritis Kerjasama Paten (PCT), meletakkannya sebagai model terbaik dalam usaha membudayakan inovasi cemerlang.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ia adalah satu pencapaian membanggakan kerana penyelidikan tahun lalu itu dikeluarkan oleh Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WHO).

Budaya inovasi cemerlang

"Pencapaian itu membuktikan MIMOS terus dapat berperanan sebagai satu model yang baik dalam usaha membudayakan inovasi cemerlang.

"Kerajaan juga menyambut baik usaha dan pendekatan pemindahan teknologi MIMOS kepada 40 penerima teknologi dan seterusnya membangunkan produk serta perkhidmatan inovatif menggunakan landasan teknologi yang dibangunkan pusat itu," katanya berucap di majlis Anugerah Berprestij MIMOS 2013 - Mengiktiraf Kecemerlangan Inovasi Universiti dan Industri Pengkomersialan di sini, malam tadi.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan mengagap kejayaan pemenang anugerah gabungan pengemblengan penjaan ilmu dan inovasi untuk memajukan ekonomi berasas pengetahuan.

Penerima anugerah ber-

prestij itu adalah Dr Zahidah Zulkifli daripada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya; Dr Afnizanafaizal Abdullah (Kecerdasan Buatan dan Bioinformatik Kumpulan (AIBIG), Fakulti Perkomputeran Universiti Teknologi Malaysia); dan Dr Muhammad Zaini Ahmad (Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Dr Teoh Wei Lin (Pusat Pengajian Sains dan Matematik, Universiti Sains Malaysia) serta Dr Salfarina Abdullah daripada Jabatan Kejuruteraan Perisian dan Sistem Maklumat Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia.

Dua lagi penerima ialah Penyelidikan Pembangunan MIMOS iSDP 3.0 untuk kategori harta intelek dan Dagang Net Technologies Sdn Bhd bagi kategori pengkomersialan.

Muhyiddin berkata, kerajaan menganggap kerjasama antara universiti tempatan dengan MIMOS dan institusi penyelidikan awam serta industri dapat menjana secara lebih efektif hasil R&D mengikut keperluan dan kehendak pasaran.

Ucapan Deepavali

Sementara itu, Muhyiddin berharap Pesta Cahaya yang disambut masyarakat beragama Hindu esok, dijadikan sebagai penyuluh kepada segala kegelapan yang menghalang perpaduan antara kaum di negara ini.

Beliau berkata, kehidupan yang harmoni atas dasar toleransi sememangnya amat penting dalam negara pelbagai kaum seperti Malaysia.

"Harapan saya sinar yang muncul daripada kegelapan memberi lebih semangat untuk kita menghadapi segala cabaran mendatang dengan penuh keyakinan dan kekuatan bagi mencapai segala harapan dan impian," katanya.



Muhyiddin bergambar dengan penerima anugerah sempena majlis Anugerah Berprestij MIMOS 2013.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

RM3.5b given for research activities

KUALA LUMPUR: The government, through the Science, Technology and Innovation Ministry, has allocated close to RM3.5 billion for research, development and commercialisation activities under the Ninth Malaysia Plan.

Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said as of August, 3,800 projects were implemented and 275 others commercialised, bringing in sales worth RM2.8 billion.

"On average, each commercialised project brings in sales of about RM100 million," he said after giving away the ministry's 2013 awards last night.

Muhyiddin said the government remained committed to introducing various programmes and incentives to produce quality human capital capable of carrying out world-class research and development (R&D) in Malaysia.

Muhyiddin, who is also education minister, said the government, through his ministry, had set aside more than RM700 million as re-

search grants for public universities and for sponsoring postgraduate studies under the MyBrain15 programme.

"Statistics show that 73,503 had graduated from public and private universities with a master's or doctorate between 2008 and last year," he said, adding that the number showed that the country was not suffering from "brain drain" in R&D.

The government's national higher education strategic plan, he said, outlined two initiatives to enhance the country's R&D efforts.

"We have recognised seven higher institutions' centres of excellence aimed at encouraging strategic partnerships and exchange of resources between these higher learning institutions and knowledge transfer programmes."

Muhyiddin said the Malaysia Laboratories for Academic-Business Collaboration, set up early this year with an allocation of RM80 million, would further spur R&D collaboration between university researchers and the industries.



Deputy Prime Minister **Tan Sri Muhyiddin Yassin** handing over an award to Dagang Net Technologies Sdn Bhd chief executive officer **Zulina Mohammad Salleh** in Kuala Lumpur last night. With him are Science, Technology and Innovation Minister **Datuk Dr Ewon Ebin** (centre) and Education Minister II **Datuk Seri Idris Jusoh** (behind Zulina). Pic by Yazit Razali



Hasil Penyelidikan Ikut Keperluan Dan Kehendak Pasaran - Muhyiddin

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Institusi pengajian tinggi di negara ini perlu memperkukuhkan peranan penyelidik dan saintis agar hasil penyelidikan mereka dapat menembusi pasaran, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata nilai sebenar sesuatu hasil penyelidikan dan pembangunan itu diukur melalui keupayaan komersial yang boleh diterima pakai oleh pasaran.

Katanya kerajaan amat mengalu-alukan usaha memperkasa kerjasama antara universiti tempatan dengan [MIMOS Berhad](#) dan industri penyelidikan awam serta pihak industri yang dapat menjana secara lebih efektif hasil penyelidikan dan pembangunan mengikut keperluan dan kehendak pasaran.

MIMOS Berhad merupakan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) kebangsaan bagi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Mengikut perangkaan dari 2008 hingga 2012, institusi pengajian tinggi negara telah melahirkan seramai 73,503 graduan peringkat sarjana dan kedoktoran...ini ini bukti negara tidak ketandusan modal insan yang berkemampuan untuk melaksanakan penyelidikan," katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Berprestij MIMOS (MPA) di sini Khamis malam.

Muhyiddin berkata kerajaan menyambut baik usaha dan pendekatan pemindahan teknologi MIMOS kepada 40 penerima teknologi dan seterusnya membangunkan produk dan perkhidmatan yang inovatif dengan menggunakan platform teknologi yang dibangunkan oleh MIMOS.

"Saya juga berharap inisiatif penting Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLAB) yang dimulakan tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM80 juta bagi memperkukuh perkongsian bestari dan inovasi antara penyelidik di universiti dan industri dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak yang terlibat," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin turut mengambil kesempatan merakamkan penghargaan kepada MIMOS Berhad yang berada pada kedudukan keenam dalam senarai utama Perjanjian Kerjasama Paten yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) baru-baru ini.

"Ini mencerminkan MIMOS terus dapat berperanan sebagai satu model contoh yang baik dalam usaha membudayakan inovasi cemerlang," katanya.

Pada majlis itu, Dr Zahidah Zulkifli dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya; Dr Afnizanfaizal Abdullah (Kecerdasan Buatan dan Bioinformatik Kumpulan Fakulti Perkomputeran, Universiti Teknologi Malaysia); Dr Muhammad Zaini Ahmad (Fakulti Teknologi Sains Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia).

Dr Teoh Wei Lin (Pusat Pengajian Sains Matematik Universiti Sains Malaysia) dan Dr Salfarina Abdullah dari Jabatan Kejuruteraan Perisian dan Sistem Maklumat Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia memenangi anugerah MPA bagi kategori akademik.

Penyelidik dan pembangun MIMOS iSDP 3.0 dan Dagang Net Technologies Sdn Bhd, masing-masing memenangi anugerah MPA bagi kategori Harta Intelek dan kategori pengkomersialan.

Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan tertinggi MIMOS Berhad kepada ahli akademik atau penyelidik peringkat kedoktoran yang telah menyumbang kepada harta intelek paling kerap dikomersialkan dan syarikat Penerima Teknologi MIMOS yang telah menunjukkan prestasi pengkomersialan paling cemerlang.

Majlis itu turut dihadiri **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin**, Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh, **Pengerusi MIMOS Berhad Datuk Suriah Abd Rahman dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Abdul Wahab Abdullah**.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 26
TARIKH: 1 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)

**MOSTI sedia peruntukan penuh penyelidikan
timbang balik yang diluluskan**

MELAKA 31 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyediakan peruntukan bagi setiap permohonan geran penyelidikan universiti yang diluluskan secara timbal balik.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, perkara itu dilaksanakan Kementerian menerusi polisi pemberian peruntukan penyelidikan yang diamanahkan kerajaan.

Menurutnya, peruntukan penyelidikan tidak boleh disalurkan dengan jumlah kurang daripada dipohon kerana bakal menjejaskan hasil produk yang ingin dihasilkan.

"Para penilai tidak boleh sewenang-wenang membuat pemotongan geran ini kerana akan memberi kesan kepada hasil produk yang akhirnya akan menimbulkan masalah seperti tidak boleh dikomersialkan dan sebagainya," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Antarabangsa Tenaga Mampuan dan Bahan Termaju (ICE-SEAM) 2013 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, di sini malam tadi.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Prof. Dr. Mohd. Jailani Mohd. Noor dan Pengerusi Jawatankuasa Pengajur ICE-SEAM 2013, Dr. Noreffendy Tamaldin.

Menurut Abu Bakar, kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) memperuntuk sebanyak RM2.9 bil-



ABU Bakar Mohamad Diah memukul gong sebagai gimik perasmian Persidangan dan Pameran Antarabangsa Tenaga Mampuan dan Bahan Termaju 2013 sambil diperhatikan oleh Mohd. Jailani Mohd. Noor (tengah) dan Noreffendy Tamaldin di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, Ayer Keroh, Melaka, malam kelmarin.

lion bagi tujuan penyelidikan.

Jumlah itu, katanya, hanya 1.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sedangkan Malaysia perlu membelanjakan sebanyak dua peratus KDNK atau RM3.5 bilion bagi tujuan penyelidikan sekiranya mahu mencapai status negara maju pada 2020.

Mengulas mengenai persi-

dangan itu, menurut beliau, program tersebut yang pertama kali diadakan di negara ini membabitkan pembentangan sebanyak 173 kertas kerja dari 15 negara.

"Hasil perbincangan daripada persidangan ini diharap dapat memberi kesan positif kepada semua pihak yang terlibat terutama bagi mencari

alternatif kepada tenaga baharu untuk masa hadapan," katanya.

Selain itu, tambahnya, persidangan tersebut diharap dapat mencetuskan idea kepada industri dan para pengamal inovasi untuk menghasilkan produk kreatif dan inovatif yang mampu memberi manfaat kepada semua pihak.



P.Pinang Dapat Peruntukan RM880.65 Untuk Projek Baharu Tahun 2014

KEPALA BATAS, 31 Okt (Bernama) -- Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang Datuk Zainal Abidin Osman berkata ada banyak projek baharu dengan nilai keseluruhan RM880.65 juta akan dilaksanakan di Pulau Pinang tahun 2014.

Sehubungan itu, kata beliau, dakwaan Ketua Menteri Lim Guan Eng bahawa kerajaan pusat tidak memperuntukkan apa-apa untuk Pulau Pinang dalam Bajet 2014 adalah tidak berasas.

"Perkara (projek) ini tidak dinyatakan secara spesifik oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) dalam pembentangan bajet kerana projek ini telah dirancang lebih awal," katanya kepada pemberita selepas Majlis Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum Peringkat Negeri Pulau Pinang, di sini Khamis.

Lim dalam kenyataannya 27 Okt lepas berkata Bajet 2014 mengecewakan kerana tidak menyediakan peruntukan kepada Pulau Pinang yang ditadbir pembangkang.

Zainal Abidin yang juga Pengerusi Umno negeri, berkata antara projek yang akan dilaksanakan tahun depan ialah pembangunan Perda-Tech (RM7 juta), naik taraf perumahan Jabatan Penjara Pulau Pinang (RM0.8 juta) dan kemudahan pelancongan di Sungai Tukun, Taman Negara (RM2.5 juta).

"Selain itu, lima projek di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kos RM24.80 juta, dua projek Kementerian Kerja Raya (RM455 juta), dua projek Kementerian Kesihatan (RM270 juta), 21 projek Kementerian Pendidikan (RM77.62 juta) dan satu projek di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (RM20 juta).

"Peruntukan itu turut meliputi tiga projek di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kos RM1.7 juta, **satu projek Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (RM5.23 juta)**, satu projek Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar (RM4 juta) dan satu projek Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (RM12 juta)," katanya.

Katanya ini tidak termasuk tiga projek mega yang sedang dijalankan iaitu pembesaran empangan Mengkuang (RM1.2 bilion), Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar, dan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Projek pembesaran empangan Mengkuang misalnya yang dijadual siap sepenuhnya pada 2016, setakat ini sudah 30 peratus siap membabitkan perbelanjaan RM57.7 juta, katanya.

Landasan Berkembar Ipoh-Padang Besar yang melibatkan jajaran Pulau Pinang sepanjang 63 kilometer pula sudah 97 peratus siap, manakala Jambatan Kedua Pulau Pinang sudah 98 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya pada 8 Nov ini, katanya.

"Pulau Pinang terutama rakyat negeri ini mendapat faedah secara langsung daripada semua projek baharu itu termasuk pelaksanaan projek mega yang akan memberi faedah jangka panjang dengan mewujudkan pelbagai kemudahan dan memberi rangsangan kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini," katanya.

PRIME NEWS

Britain to help us on cyber safety

ONLINE SECURITY: Malaysia can gain from Britain's expertise in this field, says PM

YUSHAIMI YAHAYA
LONDON
yushem@nstp.com.my

MALAYSIA and Britain will enhance bilateral partnership in the areas of defence and security, with special focus on cyber security.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said Britain had the expertise and the latest technology to counter cyber security threats that could be shared with Malaysia.

"It is up to our experts to decide

which of these capabilities (that Britain has) that Malaysia needs to safeguard cyber safety in our country," he told Malaysian media at the Dorchester Hotel here yesterday.

British Prime Minister David Cameron gave Britain's commitment to work closely with Malaysia in countering cyber security threats during bilateral talks with Najib.

The two also leaders exchanged views on international issues, especially involving Southeast Asia.

In September, Deputy Commu-

nication and Multimedia Minister Datuk Jallani Johari had said while cyber security threats in Malaysia were under control, agencies such as the Malaysian Communications and Multimedia Commission, Cyber Security and the police were working closely to eliminate threats.

Jallani said the Malaysia Computer Emergency Response Team Second Quarter 2013 Summary Report had disclosed that its Cyber999 service had handled 3,093 incidents from April to June, a 23.7 per cent increase from the first quarter of the year.

He had said, in the second quarter, incidents such as fraud, content-related, malicious codes, intrusion and cyber harassment had increased while other incidents had decreased moderately.

Asked if his relationship with Cameron had led to greater acceptance of Malaysia by Britain's leadership, Najib said it was apparent that the two leaders shared an "extremely comfortable" relationship.

"He has shared encouraging words for Malaysia and thinks highly of Malaysia's achievements."

At the opening day of the 9th World Islamic Economic Forum here on Tuesday, Cameron had, in his address, praised Malaysia and paid tribute to Najib for leading the way in promoting the ideals of moderation and playing an instrumental role in bringing huge investments and trading to both countries.

Najib also said Kazakhstan Deputy Prime Minister Asset Issekeshev, who paid him a courtesy visit yesterday, had also expressed his wish for a Malaysian bank to be set up in Kazakhstan.



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak having a light moment with five Malaysian motorcycle riders taking part in the 1Malaysia World Endurance Ride 2013 before flagging them off in London yesterday. Bernama pic



Kajian Saintis Australia Mengenai Malaria Rangkul Anugerah Sains Mahathir 2013

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Saintis Australia, Prof. Alan Cowman telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Sains Mahathir 2013 atas penemuan penyelidikan beliau mengenai malaria.

Pengumuman itu dibuat Pengerusi Yayasan Sains Anugerah Sains Mahathir (MSAF) Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid pada Khamis.

Ahmad Sarji berkata, penyelidikan yang dilakukan Cowman, telah membawa kepada pemahaman mendalam terhadap jangkitan patogenesis dan pembangunan teknologi inovatif genetik songsang 'Plasmodium falciparum' yang juga menerangkan mengenai gen pertama untuk menghapuskan organisma ini.

"Sumbangan ini telah membawa kepada pengenalan sasaran yang lebih baik untuk pembangunan ubat-ubatan baharu bagi melawan jangkitan dan meningkatkan usaha menyelesaikan salah satu masalah kesihatan utama di kawasan tropika," katanya dalam sidang media di sini.

Cowman kini merupakan Ketua Bahagian Jangkitan dan Imuniti di Walter and Eliza Hall Institut Penyelidikan Perubatan yang berpangkalan di Melbourne.

Kajian beliau telah membuka jalan ke arah penemuan vaksin untuk jangkitan malaria yang terus membunuh berjuta-juta orang di Afrika dan Asia.

Ahmad Sarji berkata, pemenang telah dipilih berdasarkan pencapaian cemerlang yang membawa kesan yang besar dalam meningkatkan kualiti hidup dan membuka peluang-peluang baru untuk kemajuan masa depan sains dan teknologi.

Bagi tahun ini, MSAF telah menerima 29 pencalonan dari 11 negara, termasuk Malaysia, Australia, India, Mesir, Mexico, Taiwan, Thailand, England, Amerika Syarikat dan China.

"Setiap pencalonan telah melalui proses pemilihan ketat yang dijalankan tokoh Fellow dari [Akademi Sains Malaysia](#) dan juga dinilai oleh Panel Penasihat Antarabangsa yang terdiri daripada pemenang Hadiah Nobel dan saintis terkenal di dunia," katanya.

Ahmad Sarji berharap lebih ramai individu dan syarikat akan tampil dan menyumbang dalam memajukan agenda penyelidikan sains tropika demi manfaat manusia.

MSAF dikurniakan kepada mana-mana ahli sains atau institusi di seluruh dunia dalam mengiktiraf pencapaian dan inovasi ke arah menyelesaikan masalah di kawasan tropika melalui sains dan teknologi.

Pemenang anugerah ini akan menerima USD\$100,000, pingat emas dan sijil.

"Majlis rasmi penyampaian hadiah dijangka diadakan pada tahun depan," katanya.

Anugerah berkenaan dinamakan sempena bekas Perdana Menteri paling lama berkhidmat di Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad yang melancarkannya pada 17 Ogos 2004.

Anugerah itu merupakan salah satu daripada anugerah paling berprestij dalam bidang penyelidikan dan pembangunan sains dan teknologi di rantau tropika.

-- BERNAMA

Preparing Malaysia for a sustainable future

THE 2014 BUDGET: Sensible strategies for the country as we negotiate the many challenges in the coming years

THE 2014 Budget was recently unveiled by the prime minister. As usual there were mixed reactions. Some hailed it as a realistic and balanced spending plan. Others raised concerns on its possible negative repercussions on the cost of living.

Some expressed disappointment about the lack of goodies. It is a pity that a post-budget discussion on Astro Awani also failed to capture the bigger agenda of the budget.

If one were to objectively analyse the arguments articulated in the budget, many would surely hail the budget as the most sensible strategy for the country as we negotiate the nation's many challenges in the coming years.

The Academy of Sciences Malaysia has always championed the strategy to prepare for the future. Under our Mega Science stud-

ies we look as far ahead as 2050.

Through horizon scanning and other techniques of forecasting, we propose future scenarios for the country's economic sectors. We would then evaluate their future risks and opportunities. And more important how science, technology and innovation (STI) can mitigate the risks and capture the opportunities.

The analysis is then presented to the government as policy advice. So far we have completed phase one of the key sectors including water, energy, health, agriculture and biodiversity. We are now studying five other sectors including infrastructure, housing, environment, transport and the electronic and electric sectors. By early next year, we should have some

recommendations for the government.

Essentially, the 2014 Budget has all the elements to secure a sustainable future for the nation. Sustainable implies positive economic outcome while ensuring inclusiveness, equity and continued safeguard of the environment and its attendant natural ecosystem.



Ahmad Ibrahim
Fellow, Academy
of Sciences
Malaysia

This is in fact very much in line with the UN's proposed sustainability development goals (SDGs) post-2015. For one the Budget continues to address the fiscal need to reduce the deficit and eventually balance the budget. This is all about balancing income and expenditure.

The planned introduction of GST which has been keenly debated in post-budget discussion is expected to enhance the country's taxation income. Claims that GST will be burdensome is unfounded.

But the general public has to be properly briefed in order not to create the wrong perception. At

the same time, the promised reduction in corporate and personal income tax will provide further boost to consumer spending and eventually the retail economy.

The continuing rationalisation of fuel subsidy is another positive step towards sustainability. Through such exercise, the pursuit of energy efficiency will no doubt be given more urgency. Furthermore, the phasing out of the subsidy will motivate the country's readiness to adopt renewable alternatives such as solar and biomass. This is again a boost for sustainability.

The allocation of RM600 million for research universities should be viewed as an investment to carve out future sources of wealth for the country. However, the R&D topics should be properly researched and strategised. So are the budget incentives given for industry research in propelling the bioeconomy.

The actual execution of such R&D however has to be given serious rethink. Over the years, a major issue on research has to do with the fact that very little get commercialised. This does not augur well for the hefty invest-

ment in R&D allocated over the years.

One suggestion is to identify specific key industries within the bioeconomy that the country aims to build and lead. And then align the research with industry development.

For example, one possible industry has to do with the growing demand for halal vaccines and medicines. The formulation of the appropriate industry blueprint will help identify the right R&D topics to support the growth of that industry.

This way, as demonstrated in the case of palm oil, a higher percentage of the research will be commercialised or transferred to the market.

There is no denying the fact that the 2014 Budget has a bigger agenda for the country. It is to do with the longer term aspiration of achieving sustainable growth for the economy.

Such aspiration fits in better with the New Economic Model that the government has championed all this time. Properly executed, the budget is a positive step to prepare the nation for a sustainable future.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 1 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)

Kerjasama untuk pemprosesan bio di Malaysia

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Malaysian Bio-XCell, Stelis Biopharma dan GE Healthcare Life Sciences hari ini memeterai cadangan kerjasama untuk meninjau keupayaan dan kemahiran pembuatan pembangunan pemprosesan bio di Taman Bioteknologi Bio-XCell.

Stelis, yang menandatangani perjanjian bina-dan-sewa bernilai AS\$34.4 juta dengan Malaysian Bio-XCell pada Mac, akan meninjau penggunaan teknologi pemprosesan bio sekali penggunaan GE Healthcare di kemudahan pembuatannya di taman bioteknologi utama Malaysia dan ekosistem bagi bioteknologi perindustrian dan penjagaan kesihatan.

Di dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Pegawai Eksekutif Bio-XCell, Rizatuddin Ramli berkata, syarikat mahu menyediakan para pelanggannya dengan rangkaian faedah tambah nilai dan menjalin hubungan strategik dengan GE Healthcare akan membolehkan peserta utama bioteknologi seperti Stelis berhubung dengan ekosistem itu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Stelis Biopharma, Dr. Anand Iyer pula berkata, kerjasama itu akan menjadi peralihan paradigma kepada bagaimana pasaran-pasaran sedang pesat membangun membina dan mengendalikan kemudahan pembuatan bio generasi akan datang.

"Kemudahan ini akan memainkan peranan penting dalam membantu Program Transformasi Bioekonomi Malaysia," katanya.

Ketiga-tiga pihak akan meninjau peluang untuk bekerjasama mewujudkan program latihan pemprosesan bio lanjutan di Malaysia. - BERNAMA

Penyelidikan Cowman diiktiraf

» *Kajian jangkitan malaria dipilih pemenang Anugerah Sains Mahathir*

Oleh **Suhaila Shahrul Anuar**
bhnews@bh.com.my

▪ **Kuala Lumpur**

Profesor Alan Cowman dari Institut Penyelidikan Perubatan Walter dan Eliza Hall, Australia, dipilih sebagai penerima Anu-

gerah Sains Mahathir 2013.

Pengerusi Yayasan Anugerah Sains Mahathir (MSAF), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata penganugerahan itu hasil penyelidikan Cowman mengenai jangkitan malaria yang membawa kepada pembangunan ubat-ubatan baru membasmi wabak berkenaan.

Pemahaman berkesan

Katanya, penyelidikan beliau memberi pemahaman lebih baik dan berkesan mengenai kesan jangkitan daripada parasit mengakibatkan malaria iaitu antara wabak yang menjadi salah satu punca utama kematian di dunia.

Beliau berkata, penyelidikan Cowman turut menjelaskan dan membawa pembangunan teknologi genetik terbalik, Plasmodium Falciparum yang membuka jalan ke arah pencarian vaksin baru lebih berkesan bagi menangani wabak itu.

“Walaupun rawatan efektif terhadap jangkitan malaria sudah wujud sejak berdekad lamanya, penyelidikan Cowman itu amat berharga kerana ke-
rentanan (immune) terhadap dadah membuatkan banyak ubat antimalaria sedia ada tidak lagi berkesan,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Anugerah Sains Mahathir

diperkenalkan pada 2005 bagi mengiktiraf pencapaian dan inovasi yang dilakukan saintis atau institusi penyelidikan dari serata dunia ke arah menyelesaikan masalah di kawasan tropika melalui sains dan teknologi.

Tiga kriteria

Ia antara anugerah paling berprestij dalam bidang penyelidikan dan pembangunan sains serta teknologi di rantau tropika.

Pemenang dinilai dan dipilih berdasarkan tiga kriteria utama iaitu penemuan ke arah penyelesaian saintifik, kesan penemuan yang dihasilkan dan boleh dijadikan penyelesaian masalah di rantau tropika.

Cowman bakal menerima wang tunai AS\$100,000 (kira-kira RM315,800), pingat emas serta sijil yang akan disampaikan dalam satu majlis yang dijangka diadakan tahun depan.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 17
TARIKH: 1 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)



Mary Yap (kiri) mendengar penerangan daripada peserta **SME Bank Y-Biz Challenge 2013** di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO KAMARULZAMAN ARIFFIN/BH]

SMK St Michael juara inovasi SME

» *'Easy Pouring Set' jimat masa, tenaga*

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Rekaan set minuman ringkas tetapi menjimatkan masa dan tenaga, membawa tuah kepada pasukan dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Michael, Penampang, Sabah, apabila muncul juara inovasi usahawan muda, SME Bank Y-Biz Challenge 2013.

Inovasi 'Easy Pouring Set', membolehkan 10 cawan diisi minuman seren-

tak dengan sekali tuang, dan bermanfaat ketika menguruskan hidangan untuk tetamu di rumah atau kegunaan industri seperti restoran dan hotel.

Diperbuat daripada tanah liat

Ketua pasukan SMK St Michael, Chelsie Feeley Bachek, 16, berkata kekuatan inovasi mereka adalah masa serta tenaga yang digunakan singkat dan mudah.

"Set minuman ini dihasilkan menggunakan tanah liat atau buluh, juga dapat membantu meningkatkan pendapatan pengusaha tembikar dan buluh tempatan jika dikomersialkan," katanya selepas majlis penyampaian hadiah SME Bank Y-Biz

Challenge 2013 di sini, semalam.

Pasukan SMK St Michael yang membawa pulang hadiah RM20,000 serta tiket penerbangan bernilai RM25,000 serta piala pusingan itu turut dibarisi oleh Galedine Lind Mosyuni, 16; Carisson Paddy Edwin, 16; dan Jovi Jivinsoi Moosom, 15,

Majlis penyampaian itu disempurnakan Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Mary Yap Kain Ching.

Turut hadir, Pengerah Urusan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank), Datuk Mohd Radzif Mohd Yunos, dan Pengurus Besar Kanan Majlis Reka Bentuk Malaysia, Futom Shikh Jaafar.





Tahap Radiasi Di Lynas Mengikuti Piawaian Dibenarkan

KUANTAN, 31 Okt (Bernama) -- Selepas lebih 11 bulan dibenarkan beroperasi, kilang memproses nadir bumi, Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) di Gebeng di sini disahkan mengeluarkan tahap radiasi yang dibenarkan mengikut piawaian tempatan dan antarabangsa.

Naib Presiden dan Pengarah Urusan Lynas Malaysia, Datuk Mashal Ahmad berkata, bacaan radiasi di kilang dan kawasan sekitarnya telah diluluskan oleh perunding antarabangsa dan sedang dipaparkan di kilang tersebut dan secara dalam talian.

"Kami juga mengalu-alukan orang ramai untuk melawat kemudahan kami supaya mereka dapat melihat dan mendapatkan maklumat yang tepat bahawa LAMP adalah selamat untuk pekerja, rakyat dan alam sekitar," katanya kepada pemberita selepas lawatan khas 80 pegawai kesihatan ke kilang itu di sini hari ini.

Mashal berkata, adalah penting bahawa orang ramai dan pakar-pakar kesihatan untuk melawat LAMP kerana ia akan memudahkan mereka untuk menganalisis dan memahami operasi di kemudahan pemrosesan nadir bumi itu, yang dilakukan mengikut peraturan keselamatan tempatan dan antarabangsa.

Katanya sehingga suku kedua tahun ini, kilang itu telah memproses sebanyak 144 tan nadir bumi dengan 117 tan telah dieksport.

Mashal berkata LAMP juga beroperasi di bawah tekanan atmosfera dan suhu persekitaran malah bahan-bahan mentah yang digunakan mempunyai radioaktif yang sangat rendah.

Dalam pada itu, Pegawai Kesihatan Daerah Barat Daya, Pulau Pinang, Dr Mohamed Iqbal Hamzah yang mengikuti lawatan itu berkata, maklumat yang diterima semasa lawatan itu membolehkan mereka memahami dengan lebih mendalam bahawa operasi LAMP tidak memudaratkan rakyat dan alam sekitar.

Beliau berkata penjelasan dan data yang diberikan oleh Lynas menunjukkan bahawa air yang digunakan oleh penduduk di kawasan sekitar juga tidak terjejas oleh operasi LAMP.

"Lynas juga perlu mengadakan siri jelajah untuk memberi maklumat yang tepat kepada rakyat supaya mereka akan mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai operasi LAMP ," katanya.